

KENYATAAN KESELAMATAN MARAeps

SEMAKAN AKHIR : OKTOBER 2018

PENDAHULUAN

MARAeps komited untuk memastikan keselamatan data peribadi yang anda berikan kepada kami. Kami melaksanakan semua langkah teknikal dan organisasi yang diperlukan, berkenaan dengan sifat, kesan dan konteks data peribadi yang anda kongsi dengan kami dan risiko yang terlibat dalam memprosesnya, untuk melindungi data peribadi anda dan, lebih khusus, untuk mencegah sebarang rasuah, kerosakan, atau penggunaan tidak sah oleh pihak ketiga, sama ada melalui kemalangan atau aktiviti jenayah. Oleh itu, anda boleh menggunakan laman sesawang MARAeps dan aplikasi MARAeps dengan jaminan bahawa data anda disimpan secara *encrypted* dan selamat.

PATUH PIAWAIAN

MARAeps telah mengikut piawaian keperluan keselamatan dan proses perlaksanaan yang diarah pematuhannya oleh PayNet dan Bank-Bank Pembayar. Spesifikasi keselamatan PCI menjadi asas piawaian untuk sistem dan proses operasi MARAeps.

PERLINDUNGAN MENYELURUH

Kami menyediakan sistem pembayaran dalam talian yang selamat menggunakan teknologi terkini. Dengan sistem kawalan keselamatan yang tinggi dan sistem perlindungan penapisan penipuan memberi perlindungan tambahan kepada keselamatan data peribadi dan maklumat kewangan pengguna.

Perkhidmatan MARAeps tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi. Sebarang maklumat yang berikan oleh pengguna hanya digunakan oleh MARAeps dalam perkhidmatan yang diperlukannya berkaitan urusan Majlis Amanah Rakyat. Ianya sama sekali tidak dikongsikan dengan pihak ketiga.

TIP KESELAMATAN

Setiap pengguna memainkan peranan penting dalam keselamatan data dan privasi. Oleh itu, beberapa garis panduan amalan keselamatan yang disyorkan kepada pengguna samada semasa melayari laman sesawang MARAeps atau semasa menggunakan aplikasi MARAeps adalah seperti berikut;

- i. Pastikan pautan yang sah : <https://bayar.maraeps.my/> ;
- ii. Pastikan sambungan internet yang selamat ;
- iii. Muat turun aplikasi dari pembangun yang sah, nama aplikasi yang betul dan secara terus dari GooglePlay atau iOS ;
- iv. Anda menggunakan komputer dan telefon pintar peribadi ;
- v. Tidak berkongsi nama pengguna dan kata laluan akaun anda kepada orang lain ;
- vi. Sebarang dokumen yang dikeluarkan oleh MARAeps yang mengandungi butiran peribadi dan kewangan anda hanya bagi urusan berkaitan Majlis Amanah Rakyat sahaja dan tidak sama sekali dikongsikan kepada pihak ketiga dan/atau menyiarkan dokumen tersebut di media social ;
- vii. Tidak menekan butang Back, Refresh, mahupun menutup laman sesawang/aplikasi semasa melakukan transaksi atas talian ;
- viii. Tidak berkongsi Sistem Pesanan Ringkas (SMS) TAC/OTP yang dihantar kepada pengguna dari Institusi Perbankan kepada orang lain.

Oleh yang demikian, garis panduan tersebut mengelakkan pengguna lain mengakses maklumat peribadi anda.

PERHUBUNGAN

Untuk sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan keselamatan data peribadi anda, sila hubungi kami;

(006) 03-27711271
infomaraeps@mara.gov.my